

MAHATHIR - BARISAN

JITRA, 24 NOV (BERNAMA) -- UMNO MUNGKIN MENIMBANG UNTUK MENYERTAI +BARISAN ISLAM+ ANJURAN PAS SEKIRANYA IA BENAR-BENAR DEMI KEPENTINGAN AGAMA, KATA PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

BAGAIMANAPUN JIKA +BARISAN+ ITU MEMPUNYAI MOTIF POLITIK, UMNO TIDAK BERMINAT, KATANYA KEPADA PEMBERITA SEMASA MELAWAT WAKIL PERIBADINYA, ENCIK ABUBAKAR HUSSEIN⁹ YANG SAKIT DI RUMAHNYA DI KAMPUNG PADANG, DEKAT SINI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA DIMINTA MENGULAS MENGENAI KENYATAAN NAIB PRESIDEN PAS⁹ HAJI AHMAD, BAHAWA PAS AKAN MENGANJURKAN SATU PERJUMPAAN ANTARA PARTI-PARTI POLITIK DAN KUMPULAN-KUMPULAN LAIN⁹ TERMASUK UMNO UNTUK MEMBINCANGKAN CADANGAN PENUBUHAN +BARISAN+ ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA MEMANGLAH BAIK SEBUAH +BARISAN ISLAM+ YANG TULEN DAPAT DIWUJUDKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA UMNO INGIN MENDAPAT PENJELASAN LANJUT MENGENAI TUJUAN DAN MATLAMAT +BARISAN+ ITU. -- L A G S
1736MST 24 11 87

5796

B B030 D E B
MAHATHIR - BARISAN 2 JITRA

+SELAGI TSADA PENJELASAN YANG TERANG DAN JELAS, SAYA TIDAK DAPAT MEMBUAT SEBARANG ULASAN LEBIH LANJUT, + KATANYA.

MENGENAI PEMERGIANNYA KE MANILA UNTUK MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCAKASEAN⁹ PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU TIDAK BERCADANG UNTUK MENIMBULKAN SEBARANG PERKARA BARU ATAU PERKARA KHAS PADA PERSIDANGAN ITU.

+SAYAHANYA AKAN HADIR DAN MEMBINCANGKAN PERKARA YANG TERSUSUN DALAM AGENDA PERSIDANGAN SAHAJA, +KATANYA.

MENGENAI LANGKAH FILIPINA MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG MENENTUKAN WILAYAH NEGARA ITU YANG TIDAK TERMASUK SABAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK MAHU MEMEUAT SEBARANG KOMEN MENGENAI PERKARA ITU SEKARANG.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN, BIARLAH PERKARA RANG UNDANG-UNDANG WILAYAH FILIPINA ITU SELESAI DAHULU, SEBELUM BELIAU DAPAT MEMBUAT ULASAN. -- LAGI

1751MST 24 11 87

D805

B B040 DEB
MAHATHIR - BARISAN 3 JITRA

KETIKA DI LANGKAWI SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI MELAWAT PROJEK TANAMAN SAWI MENGGUNAKAN CARA +HIDROPONIK+ YANG DIUSAHAKAN OLEH SEORANG SISWAZAH, ENCIK MARZUKI ABDUL RAHMAN⁹ DI KAMPUNG PADANG LALANG, DEKAT KUAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TERTARIK DENGAN PROJEK ITU YANG DIUSAHAKAN DI KAWASAN SELUAS 0.2 HEKTAR SEJAK SEPTEMBER LEPAS DENGAN PINJAMAN \$17,000 DARIPADA BANK PERTANIAN MALAYSIA.

+SAYA HARAP USAHA MARZUKI ITU AKAN MENJADI CONTOH KEPADA SISWAZAH MENGGANGUR YANG LAIN SUPAYA BERDIKARI, +KATANYA.

BELIAU JUGA MELAWAT TAPAK CADANGAN PEMBINAAN SEBUAH HOTEL MENGANDUNGI 200 BILIK OLEH PERNAS DENGAN SEBUAH SYARIKAT SWASTA DI PANTAI CHENANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERADA DI LANGKAWI SELAMA TIGA HARI UNTUK MENGHADIRI KURSUS BINA SEMANGAT BAGI ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN PEGAWAI DRERAH DARI MELAKA, KEDAH DAN PAHANG DI PUSAT BINA SEMANGAT TELOK BURAU. -- BERNAMA

1807MST 24 11 87